

AKTIVITI 5

Baca petikan di bawah dengan sebutan yang betul. Kemudian, jawab soalan yang berikut.



Aiman merupakan seorang murid yang berdikari **dan** bertanggungjawab. Setiap hari, Aiman menyiapkan kerja sekolahnya sendiri **supaya** dia dapat memahami pelajaran yang diajar oleh guru. **Apabila** Aiman diberi tugas kumpulan di sekolah, Aiman menjalankan tugasnya dengan bersungguh-sungguh **dan** memberikan pendapat yang bernas. Di rumah, Aiman membantu ibu bapanya membersihkan rumah **dan** menjaga adik-adiknya. Dia tidak pernah menunggu arahan **untuk** melakukan sesuatu tugas **kerana** dia sedar akan tanggungjawabnya sebagai seorang anak. Pada hujung minggu, Aiman melakukan aktiviti sukan **agar** dia dapat mengekalkan kesihatan tubuh badannya. Aiman percaya bahawa sifat bertanggungjawab dan rajin penting dalam kehidupan.

1. Mengapa Aiman menyiapkan kerja sekolahnya sendiri?

supaya _____

2. Apakah tanggungjawab Aiman di rumah?

dan _____

3. Mengapakah Aiman tidak pernah menunggu arahan?

_____ kerana

4. Apakah yang dilakukan Aiman apabila diberi tugas kumpulan di sekolah?

Apabila _____

_____ dan _____

5. Mengapakah Aiman menyertai aktiviti sukan pada hujung minggu?

_____ agar
